

**PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN UNTUK  
MERAIKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERSARA  
WP 5.2/ 2013**

**Perkara**

**Tanggungjawab**

**Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara**

**1. Tujuan**

- 1.1. Pekeling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan untuk meraikan pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara

**2. Peraturan**

KUPSM

**2.1. Jamuan dan cenderamata**

- 2.1.1. Kadar penyediaan jamuan dan cenderamata untuk pegawai bersara berjumlah maksima RM500 seorang. Kos jamuan bagi jemputan adalah sama seperti pegawai bersara. Bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada mereka yang benar-benar perlu sahaja.

KUPSM

**2.2. Sijil Penghargaan**

- 2.2.1. Pegawai yang bersara boleh diberikan sijil penghargaan

KUPSM

**2.3. Syarat-Syarat**

- 2.3.1. pegawai Perkhidmatan Awam yang layak diraikan terdiri daripada pegawai yang bersara wajib, bersara atas sebab kesihatan dan bersara pilihan;

KUPSM

- 2.3.2. bagi pesara pilihan, pegawai hendaklah telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang daripada 15 tahun;

KUPSM

- 2.3.3. bagi pesara yang bersara atas sebab kesihatan, pegawai boleh diraikan tanpa mengambil kira tahun perkhidmatan pegawai dengan Kerajaan;

KUPSM

**3. Hal-Hal Lain**

- 3.1. Pesara yang dijemput untuk menghadiri majlis ini dan hadir ke majlis tersebut adalah layak membuat tuntutan perjalanan yang munasabah berdasarkan kadar kelayakan sebelum bersara. Pembayaran bagi tuntutan ini adalah dibayar oleh Jabatan asal sebelum bersara.